

6. iCEPS PRIHATIN 5.0: MISI BANTUAN BANJIR

Berikutan hujan berterusan yang melanda beberapa negeri selama dua hari iaitu pada 18 dan 19 Disember 2021, terdapat beberapa kawasan penempatan penduduk terjejas akibat dilanda banjir. Banjir tersebut telah memberi impak kepada beberapa staf di Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Profesional. iCEPS Prihatin 5.0 telah melaksanakan “Misi Bantuan Banjir” selama lima hari bermula pada 21 hingga 24 Disember 2021 untuk memberi pertolongan kepada staf-staf terbabit. Wakil daripada Jabatan Pembangunan & Pengurusan Akademik yang melibatkan Pegawai Eksekutif, En. Faisal ‘Irfan dan En. Nik Mohammad Aizat serta Kerani, En. Md Helmi turut serta dalam “Misi Bantuan Banjir”.

